

<input type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input checked="" type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 20/11/2011
Hari: KHAMIS MS: 4
Ruangan: DALAM NEGERI



Mohd. Saiful terus cekal, cemerlang dalam pelajaran

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Di sebalik cabaran dan dugaan berdepan isu liwat, Mohd. Saiful Bukhari Azlan (**gambar**) masih mampu mencapai kejayaan dalam pelajaran apabila menerima Anugerah Sijil Dekan **Universiti Utara Malaysia (UUM)** hari ini.

Beliau yang mengikuti pengajian jarak jauh di UUM cawangan Kuala Lumpur dalam bidang Ijazah Sarjana Muda

Hal Ehwal Antarabangsa memperoleh purata nilai gred keseluruhan (CGPA) melebihi 3.50.

"Anugerah dekan ini membawa makna besar kepada saya, keluarga dan sahabat-sahabat saya. Ia memberi motivasi dan semangat terhadap saya untuk mengekalkan prestasi ini di samping meningkatkan potensi diri sehingga tamat pengajian.

"Walaupun terdapat beberapa pihak

yang memandang hina terhadap saya berhubung kes liwat tersebut yang berjalan lebih tiga tahun, namun saya tetap cekal dan fokus terhadap pelajaran kerana saya juga ingin berjaya dalam hidup," katanya kepada *Mingguan Malaysia* pada Majlis Penganugerahan Sijil Dekan UUM di sini hari ini.

Mohd. Saiful Bukhari, 26, adalah antara 72 pelajar pengajian jarak jauh UUM

cawangan Kuala Lumpur menerima Sijil Anugerah Dekan dan Sijil Kecemerlangan Akademik universiti itu.

Anugerah disampaikan Naib Canselornya, Datuk Dr. Mustapha Ishak.

Turut menerima Sijil Kecemerlangan Akademik ialah penyanyi irama tradisional, Zehra Zambri, personaliti TV3, Yusanani Yushak dan penyanyi, Syamsul Hirdi Muhi atau Didi.